

DW 3 PENGUKUHAN PEMASARAN DAN PROMOSI PELANCONGAN DESA

DW 3.1: Cadangan Acara Signature Desa Dan Mempelbagaikan Acara Sampingan Bagi Menyokong Acara Utama (Hallmark) Di Setiap Daerah Johor Utara

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Penganjuran acara berasaskan *Hallmark* dicadangkan dan dijalankan setiap tahun dan menjadi Acara Tahunan di dalam kalendar Pelancongan Negeri Johor dan di peringkat Persekutuan mengikut tema-tema tertentu antaranya; *Eco-Adventure, Agri Delight and Aqua Exploration* dan sebagainya.
- Sebagai alat promosi secara besar-besaran bagi menggalakkan kedatangan pelancong pada waktu tertentu.
- Meningkatkan tempoh penginapan pelancong serta meningkatkan perbelanjaan pelancong.

Komponen Cadangan:

- Antara tema acara *Hallmark* yang boleh dicadangkan:
 - Eco-Adventure* (Muar, Tangkak, Segamat)
 - Water Extreme Sport* (Muar, Tangkak, Segamat)
 - Motorsport Racing* (Tangkak)
 - International Sport Fishing* (Muar)
- Melaksanakan acara sampingan yang boleh menjadi simbolik bagi setiap daerah seperti pesta durian.

Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan dan pengurusan projek antara agensi negeri dan persekutuan.

Sasaran pembangunan:

- Selaras dengan langkah dasar Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030 (PPMJ) bagi membentuk produk *niche* pelancongan bernilai tinggi dan bertaraf antarabangsa.

Acara Hallmark Majestic Johor

Karnival Desa Johor Utara (Budaya, Makanan dan Agro)

+

Festival Gunung LEDANG (Acara Tahunan Antarabangsa) - Signature Event Johor Utara

Acara Sampingan (Side Event)

Ledang Explorace

Pesta Buah-Buahan

Adventure Championship

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **29 kampung** di beberapa kawasan destinasi pelancong.

Daerah	Mukim	Kampung Luar Bandar
Muar	Parit Jawa, Seri Menanti, Sungai Balang, Jorak, Bukit Kepong	15
Segamat	Bekok, Buluh Kasap, Jabi, Labis, Pogoh, Sermin	8
Tangkak	Grisek, Kesang, Kundang	6
Jumlah		29

AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • MOTAC • <i>Tourism</i> Johor 	<ul style="list-style-type: none"> • PBT • <i>Tourism</i> Johor • Pejabat Daerah

ANGGARAN KOS

- Kos pemasaran dan promosi: RM 25,000 ribu per kampung sepanjang tahun (3 tahun) dengan jumlah kos RM 725,000.

Jumlah Keseluruhan Kos: RM 725,000

FASA PELAKSANAAN



Penanda Aras Kajian

Pembangunan Acara *Hallmark* dan *Side Event* peringkat Antarabangsa

Cadangan penganjuran acara berasaskan *Hallmark* dicadangkan dijalankan setiap tahun dan menjadi Acara Tahunan di dalam kalendar Pelancongan Negeri Johor dan di peringkat Persekutuan mengikut tema-tema tertentu antaranya;

- *Eco-Adventure*
- *Water Extreme Sport*
- *Motorsport Racing*
- *International Sport Fishing*



Foto: Festival Layang-Layang Dunia, *Hallmark Event* di Johor
Sumber: Facebook Metro



Foto: Pesta Layang-layang Sawah Padi
Sumber: Facebook Metro

Le Tour de Langkawi (LTDL) merupakan acara jelajah lumba basikal lebuh raya yang diadakan di Malaysia setiap tahun sejak tahun 1996. Nama acara itu diambil bersempena dengan nama destinasi permulaan acara iaitu Langkawi, Kedah Darul Aman.

LTDL yang kini dikenali sebagai *PETRONAS Le Tour de Langkawi 2020* sudah banyak meninggalkan impak positif, terutamanya mengambil kira 232 peringkat perlumbaan yang pernah dianjurkan di pelbagai lokasi di seluruh tanah air.



Foto: Acara Berbasikal di Pulau Langkawi
Sumber: Facebook Le Tour de Langkawi

Pelaksanaan acara sampingan yang menjadi simbolik bagi setiap daerah dapat meningkatkan lagi kedatangan pelancong tempatan daripada pelbagai negeri.

Antara acara sampingan adalah:

- Pesta buah-buahan
- Pesta kebudayaan dan warisan



Foto: Pesta Lelong Buah-Buahan tempatan di Ulu Tiram, Johor
Sumber: Facebook Visit Johor



Foto: Festival Kesenian Kebudayaan, Kg. Budaya Terengganu
Sumber: Facebook Visit Beautiful Terengganu


Cadangan Pelaksanaan *Hallmark Event*

Mencadangkan penganjuran acara berasaskan *hallmark* dicadangkan dijalankan setiap tahun dan menjadi Acara Tahunan di dalam kalendar Pelancongan Negeri Johor dan di peringkat Persekutuan:

Cadangan aktiviti:

- i. Pesta Makanan Warisan seperti Nasi Ambeng dan Nasi Engkong Sri Warisan di Labis.
- ii. Penganjuran aktiviti sampingan seperti karnival kraftangan. Terdapat beberapa pengusaha yang membuat kraftangan menggunakan hasil kayu seperti gasing dan parang di Felda Tenang.
- iii. Mengintegrasikan bersama aktiviti tradisional lain seperti batu seremban, congkak, dan layang-layang.

Rajah 4.31: Model Pengurusan Cadangan Pembangunan Program *Volunteerism* Desa



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021



Foto: Festival Makanan Johor serta terdapat kraftangan dan ukiran kayu

Sumber: Facebook Yayasan Warisan Johor



Foto: Demonstrasi Pembuatan Parang

Sumber: www.travelsuka.com.my